



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGGUNAAN BAHASA DALAM RENCANA AKHBAR***

**MOHD HAZREEN SHAH BIN HASSAN**

**FBMK 2017 48**



**PENGGUNAAN BAHASA DALAM RENCANA AKHBAR**

Oleh

**MOHD HAZREEN SHAH HASSAN**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera

**Ogos 2017**

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh di buat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

Kupersembahkan hasil penulisanku buat  
Bondaku Norita Ismail dan  
Ayahandaku Hassan Abdul Rahman  
Dua insan tercinta dalam kamus hidupku  
Doa dan restumu merahmati  
perjuanganku di kampus hijau ini.

Buat insan yang bergelar ‘permaisuri hati’  
Terima kasih untuk semua pengorbanamu  
Memahami tugasku di samping berada disisiku  
Tatkala jatuh bangunku.

Terima kasih juga buat keluarga mertua  
Bonda Naemah Omar sekeluarga  
Senantiasa titipkan doa buat diriku  
Serta dorongan, semangat jua kepercayaan diberikan.

Buat kakandaku  
Semangat juangmu membakarku  
Tuk terus meniti luasnya erti  
pengetahuan ini.

Buat adinda-adindaku  
Gelagatmu senantiasa mengiringi tangisku  
Moga kalian juga mengikuti jejakku  
Kotakan janji pada bonda dan ayahanda  
Buktikan kalian bukan anak petani biasa  
Bisa berjaya seperti mereka yang luar biasa.

Kupersembahkan juga hasil penulisanku buat  
Penyeliaku Dr. Sharil Nizam Sha’ri dan  
Dr. Hajah Nor Azuwan Yaakob  
Jasa kalian akanku semat dalam kotak fikirku  
Sumbangan keringat dan idea dalam  
Kelangsungan penulisanku tanpa lelah  
Sungguh besar pengorbanan kalian buatku  
Moga penulisan ini membina ukhuwah antara kita

Terima kasih,  
Terima kasih,  
Terima kasih atas segalanya.

Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera

## PENGGUNAAN BAHASA DALAM RENCANA AKHBAR

Oleh

**MOHD HAZREEN SHAH BIN HASSAN**

**Ogos 2017**

**Penyelia: Sharil Nizam Sha'ri, PhD**

**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Penyelidikan ini dijalankan untuk (i) mengenal pasti ciri-ciri bahasa penulisan rencana akhbar dan (ii) menganalisis penggunaan tatabahasa dalam penulisan rencana berdasarkan pendekatan Waterhouse (1989). Alat kajian terdiri daripada dua buah akhbar berbahasa Melayu, iaitu *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* yang telah diterbitkan dari 01 Oktober 2016 sehingga 30 November 2016. Populasi kajian terdiri daripada 242 rencana yang terkandung dalam kedua-dua buah akhbar. Sampel kajian pula terdiri daripada 20 rencana yang dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan sistematik dan seterusnya, dianalisis melalui kaedah analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat 128 kesalahan berkaitan dengan penggunaan bahasa dalam penulisan rencana. Daripada jumlah tersebut, kesalahan berkaitan penerangan ayat mencatatkan jumlah paling tinggi, iaitu sebanyak 60 kesalahan dan kesalahan terhadap penggunaan kata sinonim pula mencatatkan jumlah kesalahan paling rendah, iaitu tiga (3) kesalahan. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa yang berkesan dan baik ditentukan oleh pemilihan kata dan pembentukan ayat yang digunakan dalam penulisan rencana. Pemilihan kata yang tidak menepati saranan Waterhouse (1989) menyebabkan khalayak mengalami kekaburan dan kekeliruan makna, manakala pembentukan ayat yang panjang dan mengandungi penerangan yang berlebih-lebihan menyebabkan khalayak hilang tumpuan dalam membentuk pemahaman terhadap kandungan rencana tersebut. Akhirnya, khalayak mengalami kesukaran untuk memahami kandungan rencana dengan baik dan berkesan.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of  
the requirements for the degree of Master of Arts

## **LANGUAGE USE IN NEWSPAPER ARTICLES**

By

**MOHD HAZREEN SHAH BIN HASSAN**

**August 2017**

**Supervisor: Sharil Nizam Sha'ri, PhD**

**Faculty: Modern Languages and Communications**

This research was undertaken to (i) identify the characteristics of the language used in writing newspaper articles and (ii) analyse the grammar use of article writing based on the Waterhouse approach (1989). The research data were gathered from two Malay-language newspapers namely, *Berita Harian* and *Utusan Malaysia* that were published between 01 October 2016 and 30 November 2016. The population of the study are 242 articles contained in both newspapers while the sample of the study are 20 articles was selected using systematic sampling and analysed using the content analysis method. The findings showed 128 mistakes related to language use in article writing. Mistakes related to sentence description recorded the highest number of errors with a total of 60 mistakes, and mistakes in the use of synonyms recorded the lowest number of errors with a total of three (3) errors. In general, this research indicates that the use of effective and good language is determined by word selection and sentence construction used in article writing. The selection of words that do not meet the recommendations of Waterhouse (1989) results in the audience experiencing ambiguity and confusion with regard to meaning while lengthy sentence construction and excessive explanations cause the audience to lose focus in developing understanding on the content of the article. Consequently, the audience face difficulties in understanding the content of the article in a well and effective manner.

## PENGHARGAAN

Dengan nama-Mu, Ya Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Segala Puji dipanjangkan ke atas-Mu kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan kajian ini bagi memenuhi syarat memperoleh Master Sastera (Bahasa Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. Kajian ini tidak mungkin dapat diselesaikan tanpa bantuan dan galakan dari pelbagai pihak sama ada ia terlibat secara langsung ataupun tidak langsung.

Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada kedua-dua ibu bapa saya, Encik Hassan Abdul Rahman dan Puan Norita Ismail yang senantiasa memberi kata-kata semangat dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Doa dan restu mereka yang tidak pernah putus-putus memberi motivasi kepada saya untuk tekun menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan buat ‘permaisuri hati’, Puan Nur Afiqah Ayub di atas segala dorongan, pengorbanan dan semangat yang berterusan serta doa dan restu yang diberikan kepada saya. Jutaan apresiasi juga saya panjatkan kepada keluarga mertua saya, Puan Naemah Omar sekeluarga atas doa, semangat jua bantuan yang diberikan sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada penyelia tesis saya, iaitu Dr. Sharil Nizam Sha’ri dan Dr. Hajah Nor Azuwan Yaakob dari Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia kerana telah memberi sepenuh bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Tanpa bantuan kalian, adalah suatu yang mustahil untuk saya menyiapkan kajian ini seperti mana yang ditetapkan oleh pihak fakulti. Saya juga ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, malah tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tanpa bantuan anda semua, agak sukar untuk saya menjayakan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang tidak dapat dinyatakan di sini kerana telah membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Segala bimbingan, tunjuk ajar, sokongan dan bantuan anda semua, saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 4 Ogos 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd Hazreen Shah bin Hassan bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Penggunaan Bahasa dalam Rencana Akhbar” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Akmar Hayati binti Ahmad Ghazali, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Jama'yah binti Zakaria, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Hamedи bin Mohd Adnan, PhD**

Profesor Madya  
Universiti Malaya  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 Oktober 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Sharil Nizam Sha'ri, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Hajah Nor Azuwan Yaakob, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Mohd Hazreen Shah bin Hassan (GS 45956)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami.
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Sharil Nizam Sha'ri

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Hajah Nor Azuwan Yaakob

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PENGAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
 <b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN</b>	1
Pengenalan	1
Latar Belakang Kajian	2
Pernyataan Masalah	7
Objektif Kajian	9
Kepentingan Kajian	10
Batasan Kajian	12
Definisi Operasional	13
Akhbar	13
Bahasa dalam Akhbar	14
Penulisan Rencana	15
Kesimpulan	16
<b>II SOROTAN LITERATUR</b>	17
Pengenalan	17
Kajian oleh Sarjana Tempatan	17
Kajian oleh Sarjana Luar Negara	20
Kesimpulan	22
<b>III METODOLOGI KAJIAN</b>	24
Pengenalan	24
Reka Bentuk Kajian	24
Kaedah Kajian	24
Kaedah Pensampelan Sistematis	25
Kaedah Analisis Kandungan	26
Alat Kajian	26
Kerangka Teori	27
Kerangka Konseptual	31
Kesimpulan	32
<b>IV DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	33
Pengenalan	33
Ciri-ciri Bahasa Penulisan Rencana bagi Akhbar BH dan UM	33

Analisis Penggunaan Tatabahasa Penulisan Rencana Berdasarkan Pendekatan Waterhouse (1989)	52
Penggunaan Kata Umum/Abstrak	53
Penggunaan Kata Tidak Lazim	55
Penggunaan Kata Sinonim	58
Penggunaan Kata yang Menunjukkan Ketidakpastian	61
Penggunaan Istilah Jargon	63
Kesalahan Ejaan	65
Penerangan Ayat yang Berlebih-lebihan	68
Kesimpulan	71
<b>V KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	75
Pengenalan	75
Rumusan	75
Kesimpulan	77
Cadangan	78
<b>BIBLIOGRAFI</b>	80
<b>LAMPIRAN</b>	85
<b>BIODATA PELAJAR</b>	157
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	158

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Perbezaan dalam Penulisan Kewartawan	4
3.1	Rangka Pemilihan Sampel bagi Akhbar BH	25
3.2	Rangka Pemilihan Sampel bagi Akhbar UM	26
3.3	Contoh Kata Umum dan Kata Khusus	28
3.4	Contoh Kata Abstrak dan Konkrit	29
3.5	Contoh Kata Lazim dan Kata Tidak Lazim	29
3.6	Contoh Kata Sinonim	29
3.7	Contoh Istilah Jargon	30
3.8	Contoh Kesalahan Ejaan	31
4.1	Penggunaan Kata/Ayat dalam Penulisan Rencana Akhbar BH dan UM	35
4.2	Jumlah Keseluruhan Data Kajian bagi Kedua-dua Buah Akhbar	50
4.3	Pembetulan Penggunaan Istilah Jargon	64
4.4	Justifikasi Perubahan Penggunaan Perkataan bagi D1 PA	68

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Anatomi Penulisan Rencana	6
1.2	Keratan Akhbar <i>Kosmo!</i> Bertarikh 18 Ogos 2016	7
1.3	Masthead <i>Berita Harian</i>	12
1.4	Masthead <i>Utusan Malaysia</i>	12
3.1	Ciri-ciri Bahasa Penulisan Kewartawanan oleh Waterhouse (1989)	27
3.2	Kerangka Konseptual Kajian	31
4.1	Perbandingan Penggunaan Kata/Ayat bagi Akhbar BH dan UM	51
4.2	Maklum Balas daripada Pihak DBP	64
5.1	Penggunaan Kata dalam Penulisan Rencana	76
5.2	Kesalahan Ejaan dalam Penulisan Rencana	77
5.3	Pembentukan Ayat dalam Penulisan Rencana	77

## **SENARAI SINGKATAN**

AMCP	Akta Mesin Cetak dan Penerbitan
BH	<i>Berita Harian</i>
D1	Data 1
D2	Data 2
D3	Data 3
D4	Data 4
D5	Data 5
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
IJ	Istilah Jargon
IPT	Institut Pengajian Tinggi
KE	Kesalahan Ejaan
KK	Kata yang Menunjukkan Ketidakpastian
KS	Kata Sinonim
RTL	Kata Tidak Lazim
KUA	Kata Umum/Abstrak
MPIC	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komiditi
PA	Penerangan Ayat
UA	Universiti Awam
UMP	Universiti Malaysia Pahang
UPM	Universiti Putra Malaysia
UM	<i>Utusan Malaysia</i>

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Setelah berdekad lamanya, penggunaan surat khabar di negara kita masih lagi relevan untuk dijadikan sebagai bahan bacaan umum (Julia Wirza Mohd Zawawi & Chang Peng Kee, 2013). Jika kita mengimbau lipatan sejarah negara, khususnya sebelum negara kita mengecapi nikmat kemerdekaan, surat khabar digunakan sebagai alat penyebaran propaganda oleh para nasionalis dalam usaha mereka untuk menyingkirkan penjajah dari terus menguasai dan menerajui Tanah Melayu (Malaysia). Pada ketika inilah, masyarakat Melayu mula sedar akan kepentingan media cetak seperti majalah dan akhbar sebagai alat pembuka fikiran.

Di Tanah Melayu sahaja, sebanyak 11 buah akhbar dalam bahasa Melayu telah diterbitkan sekitar tahun 1930-an seperti *Lembaga Malaya*, *Warta Melayu*, *Majlis*, *Warta Negara*, *Utusan Zaman* dan *Utusan Melayu*. Akhbar-akhbar yang terbit pada ketika itu kebanyakannya berpangkalan di Pulau Pinang dan juga Singapura. Di Sarawak pula, telah muncul akhbar *Fajar Sarawak* sekitar tahun yang sama. Bertitik tolak daripada itu, penerbitan akhbar di negara kita mula berkembang dengan pesatnya, malah sehingga hari ini, pelbagai jenis akhbar boleh diperolehi baik dalam bahasa Melayu, Mandarin, Inggeris dan juga Tamil.

Menurut Jeniri Amir (2005), kewujudan akhbar pada sekitar tahun 1930-an adalah disebabkan oleh keinginan masyarakatnya, khususnya masyarakat Melayu untuk mengubah nasib dan masa depan bangsanya yang ‘amat miskin dan daif’ dengan menjadikan akhbar sebagai manifestasi terhadap tuntutan sosiopolitiknya. Hal ini menunjukkan bahawa akhbar memainkan peranan yang penting dalam mengubah dan memacu pemikiran serta perjalanan sesuatu bangsa. Jika pada awal kemunculannya, akhbar digunakan untuk membangkitkan kesedaran dari segi sosiopolitik dan ekonomi dalam kalangan masyarakat tempatan. Pada masa ini, peranan akhbar masih lagi sama, malah ia telah berkembang selaras dengan peredaran zaman.

Dalam pada itu, penerbitan sesuatu akhbar tidak boleh tidak untuk terlepas daripada fungsi hakikinya, iaitu memberitahu, menghiburkan dan mendidik masyarakat. Oleh itu, sebagai sebuah medium penting yang membincangkan pelbagai isu berkaitan masyarakat, umumnya dan manusia, khususnya, akhbar menggunakan bahasa sebagai wadah untuk menyampaikan dan mengungkapkan maklumat tersebut. Hal ini membuktikan bahawa akhbar merupakan salah satu medium yang berkesan untuk mengembangkan dan memperluas sesuatu bahasa.

Bagi akhbar bahasa Melayu, misalnya, sejak awal penerbitannya lagi, ia telah memainkan peranan penting dalam perkembangan bahasa Melayu (Jeniri Amir, 2005). Hal ini demikian kerana, bahasa Melayu pada ketika itu mengalami persaingan yang hebat daripada bahasa Inggeris kerana ia telah diangkat sebagai bahasa komunikasi pada era penjajahan Barat. Bertitik tolak daripada itu, para nasionalis telah menggunakan akhbar untuk mempertahankan dan mengembangkan bahasa Melayu melalui mata pena, di samping membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat tempatan.

Dalam era globalisasi ini, akhbar merupakan antara media massa yang paling luas terdedah kepada masyarakat selain radio, majalah dan televisyen kerana sifatnya yang mempunyai kelebihan yang tersendiri (Jeniri Amir, 2005). Kelebihan yang dinyatakan oleh Jeniri Amir (2005) ini merujuk kepada keupayaannya sebagai wahana penyebaran maklumat, mudah untuk diperolehi dan kandungan di dalamnya yang pelbagai. Di samping itu, akhbar juga menyajikan pelbagai jenis bahan bacaan berbentuk politik, ekonomi, sukan, hiburan, budaya dan isu-isu yang berlaku di dalam dan luar negara. Hal ini menunjukkan bahawa sifat bahan bacaan dalam akhbar adalah bersifat selektif dan pembaca bebas untuk memilih bahan bacaan mengikut cita rasa masing-masing.

Menyedari hakikat tersebut, maka relevan untuk dibincangkan fungsi akhbar dalam mendidik dan membuka minda masyarakat serta membantu menyebarluaskan sesuatu bahasa. Dalam pada itu, setiap tulisan yang dipaparkan dalam akhbar pastinya mempunyai mesejnya yang tersendiri. Bertitik tolak daripada itu juga, sejauh manakah penggunaan bahasa dalam akhbar tersebut berupaya medan berupaya untuk menjadi khazanah yang bernilai dalam membentuk kefahaman pembaca juga harus diteliti.

### **Latar Belakang Kajian**

Daya kreativiti, imaginasi dan ketajaman minda penulis dalam mengungkapkan sesuatu perkara dalam akhbar sudah pastinya akan menjadi daya penentu untuk menarik minat khalayak untuk membaca isu yang dipaparkan. Oleh itu, seseorang penulis boleh menggunakan pelbagai jenis medium penulisan kewartawanan untuk menyatakan sesuatu isu itu. Menurut Nik Safiah Karim (2008), penulisan sesuatu berita dalam akhbar merangkumi ‘tulisan-tulisan yang berbentuk laporan berita, ulasan berita dan juga rencana tentang berita’. Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002) pula menyatakan bahawa penulisan kewartawanan terdiri daripada wawancara, penulisan berita, ulasan, laporan dan rencana.

Penulisan merupakan satu seni yang sukar untuk dihasilkan dan kebanyakan penulis berpengalaman mengiakan perkara ini kerana bidang ini memerlukan komitmen yang tinggi dan kecintaan yang mendalam terhadap tugas yang dipikul apabila bertindak sebagai seorang penulis (Sulaiman Masri dan Razali Ayob, 2002). Dalam pada itu, idea sesuatu penulisan itu diperolehi daripada pelbagai sumber. Arba’ie Sujud (2010a) menyatakan bahawa seseorang penulis memperoleh idea penulisannya melalui pengalaman, pemerhatian, persekitaran atau pembacaan. Mus Chairil Samani (1992) pula menjelaskan bahawa sumber yang menjadi pilihan dalam kalangan wartawan untuk

melaporkan sesuatu penulisan kewartawanan adalah daripada sumber terpilih, sumber pilihan bernyawa dan organisasi.

Seterusnya, sesuatu penulisan itu terbentuk hasil daripada himpunan pelbagai ciri kebahasaan seperti perkataan, rangkai kata, klausa dan ayat yang kemudiannya disusun menjadi suatu perenggan dan akhirnya membentuk suatu wacana (Sulaiman Masri & Razali Ayob, 2002). Hal ini menunjukkan bahawa penulisan dan bahasa memang tidak dapat dipisahkan. Keupayaan seseorang penulis dalam mengolah dan memanipulasikan bahasa sebaik mungkin akan membentuk sebuah penulisan yang pada dasarnya bersifat biasa menjadi luar biasa. Hal ini menunjukkan bahawa, penulisan yang baik dan berkesan bergantung kepada penggunaan bahasanya (Paimah Atoma, 2004).

Arba'ie Sujud (2010b) menjelaskan bahawa 'bahasa mempunyai kuasa kata'. Kuasa kata ini merujuk kepada keupayaan bahasa dalam 'menyelongkar khazanah pemikiran melalui pemilihan kata dan lambang bahasa secara berhati-hati dan tertib' (Arba'ie Sujud, 2010b). Walau bagaimanapun, Che Ibrahim Salleh (2010) menyatakan bahawa 'hubungan antara bahasa dengan pemikiran amatlah rumit dan abstrak'. Hal ini demikian kerana, ada kalanya kita gagal untuk menyatakan apa-apa perkara yang difikirkan berikutnya tiada kata yang sesuaian untuk menggambarkan perkara tersebut.

Penulisan yang baik dan berkesan haruslah mempunyai unsur kebahasaan yang jelas, padat, tepat, menarik dan mudah difahami. Menurut Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002), seseorang penulis itu dianggap 'pintar' apabila hasil penulisannya mempunyai unsur yang jelas, padat, langsung, objektif, mudah dan pelbagai. Secara ringkasnya, ia merujuk kepada sebuah penulisan yang berkonsepkan *clear thinking is clear writing*, berhenti menulis jika ketiadaan idea, tidak berjela-jela, bersifat objektif dan berupaya memanipulasikan bahasa sebaik mungkin.

Jeniri Amir (2006a:8) pula menjelaskan bahawa:

"...anda tidak mungkin dapat menjadi wartawan yang hebat tanpa memiliki kecintaan yang mendalam pada bahasa. Perbezaan antara rencana ataupun tulisan lain yang hebat bukan terletak pada fakta, tetapi bagaimana anda menyajikan dan mengolah fakta itu, anda pasti berusaha supaya tidak melakukan kesalahan, malah anda sentiasa berusaha gigih meningkatkan kemahiran...".

Seperti yang telah diperjelaskan sebelum ini, penulisan kewartawanan terdiri daripada wawancara, penulisan berita, ulasan, laporan dan rencana. Kelima-lima jenis penulisan ini mempunyai fungsinya yang tersendiri dan fungsinya berbeza antara satu sama lain. M. Atar Semi (1995) mendefinisikan berita sebagai cerita atau laporan mengenai sesuatu kejadian atau peristiwa yang faktanya baharu dan bersifat luar biasa. Menurut Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002), ulasan pula merupakan huraihan, penilaian atau pentafsiran terhadap sesuatu peristiwa atau kejadian penting. Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa & Mohd Rajib Ab Ghani (2016) menjelaskan bahawa wawancara merupakan

suatu teknik temu ramah yang dilakukan oleh para wartawan untuk mendapatkan maklumat daripada seseorang.

**Jadual 1.1: Perbezaan dalam Penulisan Kewartawanan**

<b>Wawancara</b>	<b>Ulasan</b>	<b>Laporan</b>
Penulisan berbentuk soal jawab, iaitu setiap pertanyaan akan dikemukakan jawapannya sekali oleh penulis hasil daripada temu ramah yang telah dilakukan.	Penulisan berbentuk penilaian atau pentafsiran terhadap sesuatu perkara dan kebiasaannya ulasan melibatkan perkara-perkara yang penting dan perlu dijelaskan kepada khalayak.	Penulisan berbentuk pemberitaan yang menjelaskan sesuatu kejadian, keadaan atau pendapat yang relatif.
<b>Berita</b>	<b>Rencana</b>	
Penulisan yang berbentuk pernyataan sesuatu maklumat tentang sesuatu kejadian yang sudah, sedang dan akan berlaku.	Bentuk penulisan yang menonjolkan sikap dan pandangan yang mampu merangsang minda dan perasaan pembaca.	

J. C Denyer (1973) pula mentakrifkan laporan sebagai *communication in which the writers sets down some conclusion or recommendation from facts or circumstances which have investigated* yang merujuk kepada suatu alat komunikasi yang menjelaskan sesuatu kesimpulan atau cadangan; hasil daripada fakta atau perkara yang telah diselidiki atau dikaji. Rencana pula merujuk kepada ‘berita atau kisah yang disusun secara deskriptif dengan menulis kata-kata yang menyentuh perasaan para pembaca sehingga timbul rasa kagum, takjub, hairan, geli, terharu, hiba, senang dan perasaan yang lain-lain’ (Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa & Mohd Rajib Ab Ghani, 2016). Berdasarkan definisi yang telah dikemukakan, Jadual 1.1 menunjukkan perbezaan antara setiap jenis penulisan kewartawanan.

Sesuatu penulisan itu dihasilkan dengan tujuan tertentu. Arba’ie Sujud (2010a) menjelaskan bahawa sesuatu penulisan itu tidak dihasilkan dengan kekosongan atau tanpa sebab. Ada kalanya sesuatu penulisan itu menekankan aspek informasi sahaja, ada kalanya sesuatu penulisan itu menitikberatkan aspek pengetahuan atau pendidikan sahaja dan ada kalanya sesuatu penulisan itu menceritakan aspek hiburan sahaja, malah, terdapat juga penulisan itu dihasilkan dengan menggabungkan dua atau tiga aspek sekali gus (M. Atar Semi, 1995).

Menurut M. Atar Semi (1995), penulisan berita lebih menekankan aspek informasi sahaja tetapi penulisan rencana menggabungkan dua atau tiga aspek dalam penghasilannya. Hal ini turut diperakui oleh Sulaiman Masri (1983) yang menyatakan bahawa, di samping mengetengahkan beberapa pernyataan yang singkat dan padat, penulisan rencana juga mengetengahkan beberapa elemen lain seperti daya khayalan, daya cipta, jenaka dan seumpamanya. Hal ini menunjukkan bahawa rencana bukan sahaja berfungsi untuk memberitahu, mendidik dan menghibur, malah ia juga turut berfungsi untuk tujuan-tujuan yang tertentu.

Dalam pada itu, penulisan rencana mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbanding penulisan kewartawanan yang lain. Salah satu keistimewaananya ialah penulis mempunyai ruang untuk mengemukakan pendapat dan pandangannya, dan perihal ini diperakui oleh Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002) dan Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa dan Mohd Rajib Ab Ghani (2016). Dalam konteks ini, penulis mempunyai kebebasan untuk mengolah ideanya, di samping memuatkan pandangannya berkaitan isu yang dibincangkan. Hal ini cukup berbeza dengan penulisan berita yang lebih menekankan fakta dan penulis tidak dibenarkan sama sekali untuk menyatakan pendapat atau pandangannya. Walau bagaimanapun, penulisan rencana juga tidak terkecuali untuk menyatakan fakta yang sahih atau sumber yang berautoriti bagi menyokong hujah-hujah yang dikemukakan sambil diselang-seli dengan pandangan penulis.

Di samping penulis bebas untuk menyatakan pandangan dan pendapatnya, penulisan rencana juga memuatkan unsur jenaka dan khayalan. Hal ini secara tidak langsung akan memudahkan dan membolehkan pembaca untuk menyelami ‘aliran pemikiran’ penulis. Bertitik tolak daripada itu, kebolehan sesuatu rencana dalam mempengaruhi minda dan emosi pembaca bermula dari permulaan ayat penulisan rencana tersebut, isi dan juga penutupnya. Oleh itu, penulis perlu bijak bermain dengan kata-kata untuk mempengaruhi khalayak. Menurut Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002), penulis rencana perlu berhati-hati ketika menghasilkan rencana dengan memastikan bahawa wujudnya kesinambungan antara isi-isi rencana dengan idea yang ingin dikemukakan kerana kesinambungan itu diibaratkan seperti ‘jambatan tempat pembaca menyeberang’. Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002) mengemukakan analoginya bahawa ‘kalau jambatan bengkang-bengkok atau patah, tentulah pembaca terjatuh (tidak faham rencana apakah yang dibaca!)’.

Arba’ie Sujud (2010a) menyatakan bahawa pembaca tidak selamanya akan memahami karya yang dibacanya itu, malah pembaca akan mempunyai penilaianya yang tersendiri, sama ada penilaian yang positif ataupun negatif. Sesuatu penilaian positif akan berhasil apabila penulis berjaya mempengaruhi minda dan perasaan pembaca melalui penggunaan bahasa yang indah dan baik; sesuatu penilaian negatif pula berhasil apabila berlakunya kekaburuan makna dan kecelaruan bahasa terhadap bahasa yang digunakan sehingga tidak memberi apa-apa makna seperti mana yang diharapkan oleh pembaca (Arba’ie Sujud, 2010a). Hal ini menunjukkan bahawa, dalam sesuatu proses penulisan, termasuklah penulisan rencana, hubungan antara penulis dan pembaca akan terbentuk dan faktor bahasalah yang menjadi pemangkin kepada pembentukan hubungan tersebut kesan daripada penilaian yang telah dilakukan.

Walaupun penulisan rencana di dalam akhbar agak terbatas ruangnya berbanding penulisan kewartawanan lain seperti penulisan berita, tetapi ia mempunyai fungsinya yang tersendiri. Andi Baso Mappatoto (1994) menyatakan bahawa tujuan penulisan rencana adalah untuk memberitahu, menghibur, mendidik dan meyakinkan pembaca. Menurut Julia Wirza Mohd Zawawi dan Chang Peng Kee (2013) pula, sifat penulisan kewartawanan itu sendiri yang tujuannya sebagai penyebar maklumat secara tidak langsung akan membentuk pandangan dan pendapat umum tentang isu yang dibicarakan.

Oleh hal yang demikian, bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis dapat difahami dan diterima oleh pembaca. Menurut Sharil Nizam Sha'ri (2010), penggunaan bahasa yang tepat, standard dan segar akan menghasilkan penulisan yang berpengaruh, diminati dan sukar dilupakan oleh pembaca.

Sementara itu, anatomi penulisan rencana mempunyai persamaan seperti bentuk penulisan yang lain. Penulisan rencana juga mempunyai tajuk dan tajuk memainkan peranan yang penting dalam menarik minat pembaca kerana ia berupaya memberi gambaran awal terhadap isu atau perkara yang dibicarakan dalam penulisan rencana. Selain itu, rencana juga mempunyai pendahuluan, isi dan penutup.

Mus Chairil Samani (1997) membahagikan penulisan rencana kepada empat bahagian, iaitu pendulu, penghubung, tubuh dan penutup. Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002) pula menyatakan bahawa penulisan rencana memerlukan satu pengenalan, isi dan penutup. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa anatomi penulisan rencana yang asas terdiri daripada tiga komponen, iaitu pengenalan, isi dan penutup. Ketiga-tiga komponen ini mempunyai cara penulisannya yang tersendiri kerana ia bergantung kepada jenis rencana yang akan dihasilkan. Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002) turut menjelaskan bahawa panjang sesebuah rencana adalah terdiri daripada 1,300 patah perkataan; nisbah bagi setiap komponen adalah 1:11:1.



**Rajah 1.1: Anatomi Penulisan Rencana**

(Sumber: Sulaiman Masri dan Razali Ayob, 2002)

Bertitik tolak daripada itu, seni berbahasa seseorang penulis rencana itu akan menentukan sejauh manakah penulisan rencana itu dapat menyampaikan maklumat dengan baik atau sebaliknya. Menurut Mohidin Malek (2016), sesuatu kata-kata itu boleh menenangkan, memberi inspirasi, menjatuhkan martabat, memutarbelitkan, menyatakan menyakitkan, dan memisahkan. Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa yang tepat, jelas, padat, menarik dan tepat serta mudah difahami amat penting untuk mempengaruhi khalayak. Menyedari hakikat tersebut, kajian ini dijalankan bagi meneliti penggunaan bahasa dalam penulisan rencana akhbar.

## **Penyataan Masalah**

Penerbitan akhbar kini telah kehilangan taring dan ketajaman penanya untuk mempengaruhi khalayak berikutan ketiadaan penulis yang berwibawa dan berpengaruh seperti Abdul Rahim Kajai, Abdul Samad Ismail dan seumpamanya (Sharil Nizam Sha'ri, 2010). Penggunaan bahasa yang berkesan dan berpengaruh amat penting dalam membujuk dan mempengaruhi pembaca. Namun begitu, Mior Kamarul Shahid (2015) menjelaskan bahawa media pada hari ini, khususnya akhbar tidak menitikberatkan penggunaan bahasa yang berkesan dan berpengaruh dalam penulisannya. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa usaha memartabatkan bahasa Melayu melalui akhbar semakin hari semakin tenggelam kesan daripada pengaruh globalisasi dan juga gejala pentabloidan yang melanda penerbitan akhbar dewasa ini.

Bertitik tolak daripada itu, penggunaan bahasa Melayu dalam media massa, khususnya akhbar semakin goyah. Kegagalan kakitangan media dalam menguasai aspek tatabahasa, penggunaan ejaan dan istilah dengan baik merupakan antara faktor yang meletakkan mutu bahasa dalam akhbar harian berada pada tahap yang rendah, malah ia juga turut dipengaruhi oleh faktor-faktor yang lain seperti faktor-faktor yang berkait rapat dengan proses penerbitan (Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia, 1981). Dalam pada itu, kekurangan kakitangan media yang menguasai bahasa Melayu dengan baik juga antara faktor yang meletakkan bahasa Melayu pada tahap tersebut. Jeniri Amir (2005) menjelaskan bahawa, di samping aspek keintelektualan menjadi keutamaan dalam penulisan kewartawanan, kesempurnaan bahasa juga perlu diambil kira untuk memastikan bahasa Melayu mencapai tahap kemodenan selaras dengan perkembangan dunia globalisasi pada ketika ini.

Salah satu isu bahasa yang membelenggu penerbitan akhbar ialah isu berkaitan kesalahan dan kesilapan berbahasa. Azean Idruwani Idrus dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) menyatakan bahawa, bukan semua penulisan dalam akhbar didapati menepati rumus tatabahasa Melayu, malah masih berlakunya kesilapan dan kesalahan berbahasa dalam penulisan kewartawanan yang dihasilkan. Kesilapan dan kesalahan berbahasa yang telah terbentuk mungkin disedari atau mungkin tidak disedari oleh penulis atau pembaca. Dalam pada itu, masalah ini juga secara tidak langsung akan memusnahkan nilai kegramatisan dalam bahasa Melayu walaupun pihak media cuba untuk mempertahankan laras bahasa yang digunakan. Menurut Jeniri Amir (2005) dan Mior Kamarul Shahid (2015), kekerapan kesalahan berbahasa yang dilakukan oleh media dan disiarkan secara berterusan kepada khalayak akan menyebabkan pembaca menerima sebagai sesuatu yang betul.

**Peng Soon-Liu Ying hampakan  
jutaan rakyat Malaysia**

**Rajah 1.2: Keratan Akhbar Kosmo! bertarikh 18 Ogos 2016**

Selain itu, isu berkaitan ketepatan pemilihan diksi dalam penulisan kewartawanan juga antara perkara yang diberikan penekanan dalam kajian ini. Rajah 1.2 merupakan salah satu contoh petikan tajuk berita dalam akhbar yang memperlihatkan ketidaktepatan dalam pemilihan diksi yang berlaku dalam kebanyakan akhbar pada hari ini. Perkataan *hampakan* dalam rajah tersebut dilihat sebagai sesuatu yang tidak wajar digunakan berikutan ia boleh mengundang penilaian negatif dalam kalangan pembaca. Isu ini telah mendapat kecaman yang hebat daripada pihak netizen dan pengkaji mendapati bahawa ia telah mencetuskan kemarahan dalam kalangan mereka. Hakikatnya, beregu badminton negara itu tidak menghampakan rakyat Malaysia, malah kita berbangga dengan pencapaian mereka di pentas antarabangsa. Menurut Mohidin Malek (2016), sesuatu kata-kata itu boleh menenangkan, menyakitkan, memberi inspirasi, menjatuhkan martabat, memutarbelitkan, menyatakan dan memisahkan.

Hal ini secara jelas memperlihatkan bahawa bahasa merupakan wahana yang mampu untuk membangkitkan kesan kepada pembaca, malah pembaca juga mempunyai pilihan untuk menterjemah sesuatu yang dibaca mengikut pemahamannya sendiri. Dalam konteks ini, Arba'ie Sujud (2010a:405) menyatakan bahawa khalayak pembaca tidak selamanya akan memahami karya yang dibacanya itu, malah pembaca mempunyai penilaianya yang tersendiri, sama ada penilaian yang positif ataupun negatif. Lanjutan itu, ketidaktepatan penggunaan diksi dalam sesuatu penulisan akan menyebabkan berlakunya kekeliruan dan kecaburan terhadap maksud yang ingin disampaikan oleh penulis.

Seterusnya, isu berkaitan pembentukan ayat yang panjang dan mempunyai penerangan berlebih-lebihan juga antara isu yang mendasari permasalahan dalam kajian ini. Agu (2015) menjelaskan bahawa sesetengah wartawan menggunakan perkataan yang klise dan jargon serta pembentukan ayat yang kompleks dalam gaya penulisannya. Penelitian Agu (2015) mendapati bahawa responden memberi maklum balas negatif terhadap penggunaan leksikal dan pembentukan ayat yang digunakan dalam penulisan kewartawanan, sedangkan Waterhouse (1989) menyarankan pembentukan ayat yang ringkas dan mengelakkan penerangan berlebih-lebihan.

Dalam pada itu, bahasa Melayu telah mengalami perkembangan pesat terutama dalam penambahan kosa kata dan istilah yang dicipta atau dibentuk oleh penggunaannya (Nurul Atiqah Nor Azman & Harishon Radzi, 2017). Menurut Suroso (2010), penggunaan kosa kata dalam penulisan kewartawanan didapati mengikut perkembangan bahasa dalam masyarakat. Dewasa ini, bahasa Melayu telah mengalami perkembangan yang pesat terutamanya dari segi perubahan ejaan, penambahan kosa kata, pembentukan rumus tatabahasa dan seumpamanya. Fenomena ini secara tidak langsung menyukarkan penggunaan bahasa Melayu dengan baik dan sempurna sama ada dalam konteks lisan dan juga tulisan. Dalam dunia kewartawanan, perubahan ini telah memberi impak yang besar kepada penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan kewartawanan. Penggunaan kata ‘baru’ dan ‘baharu’ merupakan salah satu contoh yang memperlihatkan bahasa Melayu mengalami perubahan ejaan, malah ia juga mengalami perubahan makna. Jika perubahan yang berlaku tidak diketahui oleh para wartawan, sudah pastinya akan berlaku kesalahan dalam penggunaan bahasa Melayunya.

Sharil Nizam Sha'ri (2010) pula menyatakan bahawa, berlakunya pemubaziran bahasa, khususnya dalam aspek tatabahasa, leksikal dan ortografi dalam penulisan kewartawanan. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa, berlakunya kelewanan bahasa dalam penulisan kewartawanan sekali gus mengundang kepada kekaburuan dan kekeliruan makna kepada khalayak pembaca. Hamidah Abdul Wahab (2012) menjelaskan bahawa kelewanan bahasa dalam penulisan kewartawanan perlu dielakkan untuk membentuk pemahaman yang lebih baik kepada pembaca, bukan sahaja dari segi kandungannya, malah dalam konteks penggunaan bahasanya. Oleh itu, masalah pemubaziran bahasa dalam penulisan kewartawanan dilihat sebagai isu yang serius berikutan impaknya kepada pembaca amat besar.

Menurut Khairol Anuar Harith Fadzillah (2016), corak rencana akan mempengaruhi gaya bahasa dalam penulisan rencana kerana kedua-dua elemen ini saling berhubungan antara satu sama lain. Namun begitu, kegagalan penulis untuk menghubungkan corak rencana dengan gaya bahasa dalam penulisan rencana akan merencatkan proses pemahaman dalam kalangan khalayak.

Di samping itu, proses penghasilan tajuk rencana dalam akhbar didapati tidak berupaya untuk menarik minat pembaca, di samping mengelirukan dan tidak mendukung kandungan rencana (Khairol Anuar Harith Fadzillah, 2016). Tajuk rencana yang tidak menarik dan tergantung menyebabkan rencana itu tidak mendapat perhatian daripada pembaca, sedangkan Nor Azuwan Yaakob (2008) menjelaskan bahawa tajuk merupakan perkara pertama yang akan merangsang khalayak untuk membaca sesuatu penulisan kewartawanan dalam akhbar.

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa berlakunya hambatan atau halangan dalam berbahasa dalam penulisan kewartawanan seperti ketidaktepatan pemilihan diksi, kesalahan dan kesilapan berbahasa, kelewanan berbahasa dan kekaburuan makna yang pada akhirnya menjelaskan proses penyampaian maklumat kepada khalayak dengan baik dan berkesan. Oleh hal yang demikian, penelitian terhadap penggunaan bahasa dalam salah satu bentuk penulisan kewartawanan, iaitu rencana diharapkan dapat membantu mempertingkatkan dan memperbaiki penggunaan bahasa dalam penulisan kewartawanan. Sharil Nizam Sha'ri (2010) menyatakan bahawa, penggunaan bahasa yang tepat, standard dan segar dalam akhbar akan menghasilkan penulisan yang berpengaruh, diminati dan sukar dilupakan oleh pembaca.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. mengenal pasti ciri-ciri bahasa penulisan rencana bagi akhbar BH dan UM; dan
- ii. menganalisis penggunaan tatabahasa dalam penulisan rencana berdasarkan pendekatan Waterhouse (1989).

## **Kepentingan Kajian**

Penggunaan akhbar sebagai bahan bacaan umum dalam kalangan masyarakat pada hari ini masih lagi relevan. Oleh hal yang demikian, kajian berkaitan penggunaan bahasa penulisan rencana dilihat sebagai satu kajian yang tepat dan signifikan bagi memastikan kredibiliti akhbar sebagai bahan bacaan dapat dikekalkan. Pada hemah pengkaji, bahasa memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Penggunaan bahasa yang baik dan berkesan dalam penulisan rencana berupaya untuk membentuk pemahaman yang baik terhadap kandungan rencana dalam kalangan khalayak.

Oleh itu, salah satu kepentingan kajian ini adalah untuk mendedahkan kepada umum tentang kaedah penulisan rencana yang berkesan, khususnya dari segi penggunaan bahasa seperti pemilihan kata dan pembentukan ayat. Menurut Sulaiman Salleh dan Rahmahtunnisah Sailin (2014), dunia komunikasi seperti kewartawanan mengutamakan keberkesanannya mesej yang ingin disampaikan kepada khalayak. Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa yang berkesan akan menentukan sejauh manakah keberkesanannya mesej yang ingin disampaikan kepada khalayak.

Dari segi pemilihan kata, penulis perlulah bijak untuk mengguna dan memilih kata yang bersesuaian ketika menghasilkan penulisan rencana. Menurut Mohidin Malek (2016), sesuatu kata-kata itu boleh menenangkan, memutarbelitkan, menyakitkan, memberi inspirasi, menjatuhkan martabat, menyatukan dan memisahkan. Oleh itu, sesuatu kata yang digunakan perlu jelas maksudnya, tepat penggunaannya dan tidak lewah. Waterhouse (1989) telah menggariskan beberapa panduan penggunaan kata dalam penulisan kewartawanan seperti menggunakan kata khusus, kata lazim, kata konkret dan betul dari segi ejaannya serta mengelakkan penggunaan kata umum, kata tidak lazim, kata abstrak dan kata emotif serta dramatik.

Menurut Mohd Rajib Ab Ghani dan Faridah Ibrahim (1987), terdapat penulis yang mencipta ungkapan dan kata-katanya sendiri apabila menghadapi masalah untuk memilih daksi yang tepat bagi menggambarkan sesuatu situasi yang ingin dijelaskan. Situasi ini perlu dielakkan sebaik mungkin kerana ia akan menyukarkan khalayak untuk memahami kandungan rencana dengan baik. Oleh itu, pemilihan kata yang berkesan dan tepat akan dapat membantu khalayak untuk memahami kandungan rencana dengan lebih mudah, di samping mengelakkan daripada berlakunya kecelaruan dan kekaburuan makna terhadap kata yang digunakan. Menyedari hakikat tersebut, kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada penulis tentang pemilihan dan penggunaan kata yang tepat, berkesan dan difahami agar tidak menimbulkan kecelaruan dan kekaburuan makna dalam kalangan khalayak.

Penulisan kewartawanan seperti rencana terbentuk hasil daripada jalinan pelbagai unsur bahasa pada tatatingkat yang berbeza dan ditandai oleh keteraturan fikiran dan tetenanun (Nor Azuwan Yaakob, 2008). Hal ini menunjukkan bahawa proses pembentukan ayat dalam sesuatu penulisan kewartawanan perlu dititikberatkan bagi membentuk satu kesatuan wacana yang utuh. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada penulis akan proses pembentukan ayat dalam penulisan kewartawanan,

umumnya dan penulisan rencana, khususnya. Menurut Waterhouse (1989), penulis disarankan untuk menggunakan ayat yang ringkas dan mengelakkan penerangan yang berlebih-lebihan.

Jeniri Amir (2006) pula menyatakan bahawa, kejelasan sesuatu ayat bergantung kepada jenis ayat yang dibina dan dibantu oleh pembentukan ayat yang ringkas dan singkat kerana ayat yang panjang akan menyukarkan proses pembentukan pemahaman dalam kalangan khalayak. Walau bagaimanapun, aspek kejelasan, kejituuan, ketepatan dalam logik dalam pembentukan ayat menjadi penentu dalam membentuk sebuah wacana yang baik dan berkesan (Jeniri Amir, 2006). Oleh hal yang demikian, penelitian terhadap pembentukan ayat dalam kajian ini secara tidak langsung membolehkan pengkaji untuk mengenal pasti pembentukan ayat yang digunakan dalam penulisan rencana dan pada akhir kajian ini, pengkaji merumuskan kaedah pembentukan ayat yang wajar dijadikan panduan dalam kalangan penulis untuk menghasilkan ayat yang berkesan.

Oleh hal yang demikian, kajian ini secara keseluruhannya diharapkan dapat memberi panduan kepada penulis untuk menulis rencana dengan lebih mudah dan difahami oleh pembaca, khususnya dalam aspek bahasa. Hal ini demikian kerana, media dan khalayak disatukan melalui bahasa. Tanpa penggunaan bahasa yang baik dan mudah difahami, segala yang ingin disampaikan tidak dapat difahami dan mempengaruhi khalayak (Hashim Musa, 2006). Jeniri Amir (2005:71) menyatakan bahawa ‘survival akhbar berbahasa Melayu regional pada abad ke-21 bergantung kepada keupayaannya untuk memancing pembaca muda yang terdidik’.

Selain itu, setiap akhbar mempunyai gaya penerbitannya (*house style*) yang tersendiri dalam menjelaskan sesuatu isu sekali gus mempengaruhi penggunaan bahasanya. Yosi Wulandari (2014) menjelaskan bahawa setiap media mempunyai gaya atau ideologi bahasanya dalam menyampaikan sesuatu maklumat kepada khalayak. Oleh hal yang demikian, melalui perbandingan terhadap penggunaan bahasa antara akhbar BH dan UM, pengkaji akan dapat membentuk satu daptan akhir yang menunjukkan kaedah penggunaan bahasa yang sewajarnya dalam penulisan rencana. Dapatkan ini akan memberi panduan kepada penulis dan gaya penerbitan akhbar dalam menjelaskan kandungan rencana agar kesalahan dan kesilapan bahasa dapat dikurangkan, di samping mengelakkan daripada berlakunya ketidaktepatan dalam pemilihan daksi.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi saranan kepada pihak terlibat dalam menyediakan satu garis panduan terhadap penulisan kewartawanan, khususnya berkaitan dengan aspek bahasa. Nor Azuwan Yaakob (2008) menjelaskan bahawa penggunaan bahasa dalam penulisan kewartawanan seharusnya bahasa yang mudah difahami oleh kebanyakan masyarakat. Oleh itu, penelitian terhadap penggunaan bahasa penulisan rencana akan dapat merungkaikan bentuk bahasa dalam penulisan kewartawanan dengan jelas. Penelitian terhadap penggunaan bahasa dalam kajian ini dapat dijadikan kayu ukur kepada pihak terlibat untuk menyediakan garis panduan tersebut. Perihal ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi peranan media massa, khususnya akhbar sebagai medium menyebarluaskan bahasa, di samping menyampaikan maklumat kepada khalayak.

Di samping itu, Azean Idruwani Idrus dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) menyarankan pihak media untuk memantapkan ilmu tentang tatabahasa Melayu bagi mengelakkan kesilapan dan kesalahan berbahasa terus berlaku. Agu (2015) pula menyatakan bahawa wartawan perlu dilatih untuk menggunakan bahasa sebaik mungkin atau wartawan itu sendiri yang akan jadi pemusnah kepada perkembangan sesuatu bahasa jika tidak berbuat demikian. Oleh itu, pihak berwajib, seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai badan pemantau penggunaan bahasa Melayu perlu giat menganjurkan kursus pemantapan kemahiran berbahasa dalam kalangan pihak media. Usaha seperti ini perlu dilakukan secara berterusan agar kesalahan dan kesilapan berbahasa dalam penulisan kewartawanan dapat dibendung.

### Batasan Kajian

Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis akhbar berbahasa Melayu yang telah diterbitkan seperti *Berita Harian*, *Harian Metro*, *Utusan Malaysia*, *Kosmo!* dan juga *Sinar*. Namun begitu, dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada dua jenis akhbar sahaja, iaitu *Berita Harian* (BH) dan *Utusan Malaysia* (UM). Kedua-dua akhbar yang dipilih merupakan akhbar arus perdana yang mendapat permintaan yang tinggi dari masyarakat, malah akhbar ini juga diterbitkan oleh dua agensi yang berbeza (Audit Bureau of Circulation Malaysia, 2017). Hal ini secara tidak langsung membolehkan pengkaji untuk membuat perbandingan terhadap gaya penerbitan (*house style*) bagi kedua-dua akhbar, khususnya dari segi penggunaan bahasanya.



Rajah 1.3: Masthead *Berita Harian*



Rajah 1.4: Masthead *Utusan Malaysia*

Dalam pada itu, kandungan dalam akhbar adalah pelbagai. Akhbar mengandungi pelbagai jenis penulisan kewartawanan seperti berita, laporan, wawancara, ulasan, rencana dan seumpamanya. Namun begitu, dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada penulisan kewartawanan berbentuk rencana sahaja. Dalam kajian ini juga, sampel yang dipilih merupakan rencana yang diterbitkan dari 1 Oktober 2016

sehingga 30 November 2016 dalam akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*, kecuali pada setiap hari Ahad.

### **Definisi Operasional**

Kajian ini membincangkan ‘Penggunaan Bahasa dalam Rencana Akhbar’. Oleh itu, pengkaji telah membahagikan fokus kajian kepada beberapa kata kunci bagi memberi gambaran awal tentang kajian ini. Lanjutan itu, pengkaji telah meneliti beberapa pandangan sarjana dalam usaha pengkaji untuk memberi pendefinisian operasional terhadap fokus kajian.

#### **Akhbar**

Akhbar ditakrifkan sebagai surat khabar harian, buletin berkala dan makalah yang bertujuan untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat, mempunyai edaran yang sangat luas dari segi geopolitik, di samping penerbitannya merentasi semua lapisan masyarakat tanpa mengira lapisan umur dan latar belakang masyarakat (Asmah Haji Omar, 2007). Menurut Jama'yah Zakaria, Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2010), akhbar merupakan bahan bercetak yang mengandungi pelbagai kandungan berita tentang manusia dan apa-apa peristiwa yang berlaku di dalam dan luar negara; tentang perancangan dan pelaksanaan pemerintah; tentang sosiobudaya masyarakat dan seumpamanya. Tambahnya, akhbar dilihat sebagai wahana yang digunakan oleh pemerintah untuk menyampaikan maklumat dan mempengaruhi rakyatnya untuk hidup secara harmoni.

Menurut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984, akhbar didefinisikan sebagai:

“...apa-apa hasil penerbitan yang mengandungi berita, penerangan, laporan kejadian atau apa-apa pendapat, pemerhatian atau ulasan, berhubungan dengan apa-apa berita, penerangan atau kejadian, atau dengan apa-apa perkara lain, yang menarik minat orang ramai, atau apa-apa majalah, komik atau bentuk majalah berkala lain yang dicetak dalam apa-apa bahasa untuk dijual atau diedarkan dengan percuma pada lat tempoh yang kerap atau tidak kerap, tetapi tidak termasuk apa-apa hasil penerbitan yang diterbitkan oleh atau untuk Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau Kerajaan Singapura...”.

Azean Idruwani Idrus dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) pula menyatakan bahawa akhbar merupakan salah satu contoh media cetak yang melaporkan pelbagai isu semasa yang berlaku di dalam dan luar negara. Menurut Azean Idruwani Idrus dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011), masyarakat Malaysia dihidangkan dengan pelbagai jenis pilihan akhbar sama ada berbahasa Melayu, Mandarin, Tamil dan juga Inggeris, malah mereka mempunyai kebebasan untuk memilih dan membeli mana-mana akhbar yang diingini untuk mendapatkan maklumat tentang isu-isu semasa. Dalam kajian ini, akhbar yang

menjadi fokus kajian merupakan dua buah akhbar berbahasa Melayu, iaitu *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* yang telah diterbitkan dari 01 Oktober 2016 sehingga 30 November 2016, kecuali pada setiap hari Ahad.

### **Bahasa dalam Akhbar**

Bahasa dianggap sebagai sistem lambang yang arbitrari sifatnya yang digunakan oleh sesebuah anggota masyarakat sebagai alat untuk berkomunikasi sesama mereka, di samping sebagai alat untuk mengidentifikasi diri mereka (Harimurti: 1984). Zulkifley Hamid (2007) pula menjelaskan bahawa, manusia menggunakan bahasa untuk dua tujuan, iaitu untuk menyampaikan maklumat kepada khalayak dan menerima maklumat daripada persekitaran sama ada dalam bentuk rangsangan tulisan atau lisan. Bertitik tolak daripada pandangan Harimurti (1984) dan Zulkifley Hamid (2007), penggunaan bahasa yang baik dan berkesan sama ada secara lisan maupun bertulis amat penting bagi memastikan maklumat atau mesej yang ingin disampaikan dapat diterima dan difahami oleh khalayak sasaran (Kartini Abd. Wahab & Zulkifley Hamid, 2015).

Dalam kajian ini, bagi merungkai fungsi bahasa sebagai alat yang digunakan dalam berkomunikasi, khususnya melalui tulisan, ia dapat dilihat melalui penggunaan bahasa dalam media cetak seperti akhbar. Nor Azuwan Yaakob (2008) menjelaskan bahawa bahasa dalam akhbar, khususnya dalam penulisan kewartawanan seharusnya merupakan bahasa yang dapat difahami oleh segenap mungkin anggota masyarakat. Sharil Nizam Sha'ri (2010) pula menyatakan bahawa, penggunaan bahasa yang tepat, standard dan segar dalam akhbar akan menghasilkan penulisan yang berpengaruh, diminati dan sukar dilupakan oleh pembaca.

Menurut Arba'ie Sujud (2010a), hubungan antara pembaca dan penulis akan terbentuk melalui bahasa melalui lambang-lambang bahasa yang digunakan dalam sesuatu bentuk penulisan. Jeniri Amir (2005) menyatakan bahawa bahasa dalam akhbar adalah baku, iaitu tunduk kepada peraturan dan kaedah tertentu, bukannya berbentuk percakapan harian supaya ia lebih mudah untuk difahami oleh khalayak pembaca.

Secara keseluruhannya, bahasa dalam akhbar merujuk kepada bahasa yang digunakan dalam menjelaskan kandungan penulisan kewartawanan, khususnya dari aspek penggunaan kata dan pembentukan ayat. Dalam kajian ini, ia merujuk kepada ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan dalam akhbar. Terdapat dua belas (12) ciri bahasa penulisan kewartawanan yang dikemukakan oleh Waterhouse (1989), iaitu menggunakan kata yang khusus, bukan yang umum; menggunakan kata yang konkret, bukan yang abstrak; menggunakan kata yang biasa, bukan kata tidak lazim; dan menggunakan pernyataan secara positif, bukan secara nafi. Seterusnya, elakkan penggunaan kata yang emotif dan dramatik; elakkan penggunaan perkataan yang berangkaian untuk menyatakan sesuatu maksud yang mudah; elakkan penggunaan perkataan yang menunjukkan ketidakpastian; dan elakkan penggunaan perkataan yang tidak jelas kuantitinya.

Selain itu, ciri lain yang dinyatakan oleh Waterhouse (1989) adalah seperti elakkan penerangan yang berlebihan; menggunakan perkataan yang betul ejaan dan maknanya; dan elakkan penggunaan perkataan yang jargon dan klise. Berdasarkan ciri-ciri tersebut, pengkaji akan mengenal pasti sama ada penggunaan bahasa penulisan rencana dalam akhbar menepati ciri-ciri bahasa tersebut atau sebaliknya.

### **Penulisan Rencana**

Penulisan rencana merupakan salah satu bentuk dalam penulisan kewartawanan. Terdapat pelbagai definisi yang telah diberikan oleh para sarjana mengenai penulisan rencana. Chamil Wariya (2008:61-65) mentakrifkan rencana sebagai sebuah penulisan yang mengupas isu-isu yang dibincangkan dalam berita secara tersirat dan tersurat, malah ia dianggap sebagai kesinambungan daripada penulisan berita. Namun begitu, terdapat garis pemisah antara kedua-dua jenis penulisan kewartawanan ini. Sesuatu rencana ditulis untuk mengupas sesuatu persoalan dengan lebih mendalam berbanding penulisan berita yang hanya berkisar kepada menjawab 5W dan 1H. Selain itu, Chamil Wariya (2008) turut menyatakan bahawa rencana ditulis dengan pendekatan yang lebih bebas dan lazimnya berbentuk naratif. Penulisan rencana adalah bertujuan untuk menyelami emosi dan memberi warna, pemerhatian dan pengertian kepada kejadian dan persoalan. Gaya penulisan rencana juga lebih lunak berbanding berita dan penulisan rencana lebih dominan untuk menonjolkan aspek manusia dan kemanusiaan. Penulisan rencana juga mengandungi komentar, pendapat, pandangan penulis yang biasanya tidak dimuatkan dalam penulisan berita (Chamil Wariya, 2008).

Menurut Itule dan Anderson (2007), rencana didefinisikan sebagai penulisan yang memprofilkan manusia sebagai berita, menerangkan kejadian yang menggerakkan berita, menganalisis apa-apa yang berlaku di dunia, negara dan masyarakat serta mengajar masyarakat berbuat sesuatu. Tambahnya lagi, penulisan rencana mencadangkan idea-idea yang lebih baik dalam dunia yang rumit, meneliti trend dalam masyarakat yang senantiasa berubah-ubah, membawa manusia ke ‘alam’ yang lain dan menghiburkan audien.

Jeniri Amir (2006b) dalam bukunya, *Buat Duit dengan Menulis* menyatakan bahawa:

“rencana adalah tulisan yang lebih panjang daripada berita, memiliki unsur-unsur manusawi, menarik, kreatif kadang-kadang subjektif. Ia diolah berdasarkan temu bual, pengamatan dan pengalaman daripada berita, isu, peristiwa, kejadian atau satu-satu aspek kehidupan yang pernah dan sedang berlaku. Tujuannya adalah untuk memberitahu, mendidik, memujuk, mempengaruhi dan menghibur pembaca. Pembaca mungkin memperoleh maklumat, pengetahuan dan pengalaman baru atau memperkuuh yang sedia ada. Pembaca mungkin seronok, puas, geram, cemas, geli hati, takjub, sedih dan sebagainya hasil pembacaan rencana berkenaan”.

Selain itu, M. Atar Semi (1995) mendefinisikan rencana sebagai tulisan yang menjadikan berita sebagai sumber penulisannya, dipersembahkan dengan gaya yang tersendiri, mengandungi nilai berita dan nilai estetik. Seterusnya, ciri-ciri rencana dapat dilihat dalam tiga aspek, iaitu mempunyai hubungan dengan penulisan berita, tetapi penulisannya tidak terikat dengan penulisan berita; mempunyai hubungan dengan penulisan karya kreatif, khususnya berbentuk fiksyen, tetapi penulisannya tidak sama dengan sifat penulisan fiksyen yang berunsurkan rekaan semata-mata; dan mengandungi unsur-unsur informasi, hiburan dan pendidikan.

Penulisan rencana juga merujuk kepada ‘berita atau kisah yang disusun secara deskriptif dengan menulis kata-kata yang menyentuh perasaan para pembaca sehingga timbul rasa kagum, takjub, hairan, geli, terharu, hiba, senang dan perasaan yang lain-lain’ (Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa & Mohd Rajib Ab Ghani, 2016:302). Mus Chairil Samani (1997:22) pula menjelaskan rencana sebagai “penulisan yang terperinci tentang sesuatu perkara benar yang membolehkan penonjolkan keperibadian penulis sama ada melalui pandangan yang diutarakannya, tentang persoalan yang digarapnya ataupun menerusi gaya yang digunakan”. Pandangan Mus Chairil Samani (1997) tidak bersendirian dalam mendefinisikan penulisan rencana. Pandangannya turut disokong oleh Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002). Menurut Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002:207), penulisan rencana didefinisikan sebagai “perkara benar yang menonjolkan sikap dan pandangan penulis”.

Daripada definisi yang telah dikemukakan, dapatlah disimpulkan bahawa, penulisan rencana merupakan sebuah penulisan yang bertitik tolak daripada penulisan berita sebagai sumber penulisannya, menonjolkan aspek manusia dan kemanusiaan dalam penulisannya, inti pati penulisannya berdasarkan perkara yang benar dan penulis bebas untuk mengemukakan pandangannya dalam penulisan tersebut serta mampu merangsang minda dan perasaan pembaca. Dalam kajian ini, penulisan rencana merupakan penulisan yang telah disiarkan dalam akhbar BH dan UM. Bagi akhbar BH, segmen penulisan rencana dalam akhbar tersebut dikenali dengan segmen ‘*Dari Kaca Mata*’, manakala akhbar UM memperkenalkan segmen khas ‘*Rencana*’. Kedua-dua segmen ini dijadikan sebagai bahan kajian dalam kajian ini.

## Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan latar belakang kajian mengenai ‘Penggunaan Bahasa dalam Rencana Akhbar’, dan diikuti dengan perbincangan mengenai penyataan masalah dan objektif kajian. Seterusnya, pengkaji juga telah mengupas kepentingan kajian ini dijalankan dan juga batasan kajian. Pengkaji juga telah menjelaskan definisi secara literal dan konseptual mengenai tajuk kajian ini di bawah subtopik definisi operasional. Oleh hal yang demikian, diharapkan bab ini telah memberikan pengenalan yang secukupnya berkaitan kajian ini, iaitu ‘Penggunaan Bahasa dalam Rencana Akhbar’.

## BIBLIOGRAFI

- Agu, I. E. (2015). A linguistic-stylistic analysis of newspaper reportage. *International Journal of Research in Humanities and Social Studies*, 2(8), 20-27.
- Aini Hassan. (2007). Kualitatif atau kuantitatif?: Memahami andaian asas yang mendasari penyelidikan pendidikan. *Pendidikan*, 30(1), 7-16.
- Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. (1984). Putrajaya: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia.
- Andi Baso Mappatoto. (1994). *Teknik penulisan feature (karangan khas)*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Arba'ie Sujud. (2010a). Perpaduan masyarakat dalam genre sastera dari perspektif sosio-stilistik. In Mohd Sharifudin Yusof, Arba'ie Sujud & Zaitul Azma Zainon Hamzah (Eds.), *Penyelidikan Linguistik Bahasa dan Budaya: Pemupukan Perpaduan* (pp. 402-411). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Arba'ie Sujud. (2010b). Bahasa cerminan jati diri bangsa. In. Hashim Musa & Nor Azuwan Yaakob (Eds.). *Melayu dalam Cabaran* (pp. 373-389). Serdang: Penerbit UPM.
- Asmah Haji Omar. (2007). *Kesantunan bahasa dalam pengurusan pentadbiran dan media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Audit Bureau of Circulation Malaysia. (2017). *Circulation Reporting Standards Newspapers*.
- Azean Idruwani Idrus & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). Analisis kesilapan dalam laporan media: Morfologi dan sintaksis. In. Kamariah Kamaruddin, Arba'ie Sujud, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Samsina Abdul Rahman (Eds.). *Kelestarian Bahasa: Satu Rumpun Satu Ikatan* (pp. 18-31). Serdang: Penerbit UPM.
- Baker-Woods G., Dodd J. E., Ford K., Keller K., Plumley J.Jr., Smeyak G. P., Walsh-Childers K. (1997). *Mass media writing: An introduction*. Arizona: Gorsuch Scarisbrick.
- Bucaria, C. (2004). Lexical and syntactic ambiguity as a source of humor: The case of newspaper headlines. *Humor-International Journal of Humor Research*, 17(3), 279-310.
- Chamil Wariya. (2008). *Penulisan berkesan; media cetak, elektronik dan web*. Kuala Lumpur: Malaysian Press Institute (MPI).
- Che Ibrahim Salleh. (2010). Bahasa Wahana Pemikiran. In. Hashim Musa & Nor Azuwan Yaakob (eds.). *Melayu dalam Cabaran* (pp. 249-269). Serdang: Penerbit UPM.

- Ehineni, T. O. (2014). Lexical, structural and rhetorical features of Nigerian English print media. *Journal of Arts and Humanities*, 3(11), 26-32.
- Eneng Khairunnisa. (2012). Penerapan bahasa jurnalistik pada berita utama “Straight News” di surat kabar “Radar Bekasi” edisi 1-5 Oktober 2012. Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa & Mohd Rajib Ab. Ghani. (2016). *Penulisan media massa*. Kangar: Penerbit UniMAP.
- Galantomas, I., Andreou, G., & Gourgoulianis, K. (2011). The content and language of newspaper articles related to the official ban on smoking in Greece. *Open Applied Linguistics Journal*, 4, 1-8.
- Goay, T. C., Choo, S. T. & Zainuddin Ahmad. (2006). *Teks Pra-U Bahasa Melayu STPM : Kertas 1*. Petaling Jaya : Pearson Malaysia.
- Hamidah Abdul Wahab. (2012). Aspek kelewanan dalam laporan akhbar atas talian. *Issues in Languages Studies*, 1(2), 24-31.
- Harimurti Kridalaksana. (1984). *Kamus linguistik edisi kedua*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Hashim Musa. (2006). *Pengantar falsafah bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasna A Rahmatu. (2013). Kohesi dalam wacana opini media tadulako. *Jurnal bahasa dan sastra*, 2(1), 1-15.
- Itule, B.D. & Anderson, D.A. (2007). *News writing and reporting for today media*. New York: McGraw-Hill International Editions.
- J. C Denyer. (1973). *Office administration*. Landon: Macdonald & Evans Ltd.
- Jama'yah Zakaria, Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2010). Memupuk perpaduan melalui budaya membaca. In. Mohd Sharifudin Yusof, Arba'ie Sujud & Zaitul Azma Zainon Hamzah (Eds.). *Penyelidikan Linguistik Bahasa dan Budaya:Pemupukan Perpaduan* (pp. 190-195). Serdang: Penerbit UPM.
- Jeniri Amir. (2005). *Dari budaya ke media: mengangkat suara pinggiran di Sarawak*. Kota Samarahan: The Sarawak Press Sdn Bhd.
- Jeniri Amir. (2006a). *Belajar menjadi wartawan*. Bukit Tinggi: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Jeniri Amir. (2006b). *Buat duit dengan menulis*. Bukit Tinggi: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.

Julia Wirza Mohd Zawawi & Chang Peng Kee. (2013). Penentuan bingkai berita keselamatan awam dari penelitian respon kognisi dan ekspresi audiens. *Jurnal Komunikasi*, 29(2), 141-158.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kartini Abd. Wahab & Zulkifley Hamid. (2015). Hambatan memahami bahasa: satu penelitian ke atas teks berita dalam talian berbahasa Indonesia, Tempo.Co. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 493-514.

Keraf, G. (2008). *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.

Khairol Anuar Harith Fadzillah. (2016). Bahasa dalam penulisan rencana. *Dewan Bahasa*, 16(8), 49-52.

Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia. (1981). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Leki, I., & Carson, J. G. (1994). Students' perceptions of EAP writing instruction and writing needs across the disciplines. In. *TESOL Quarterly*, 28(1), 81-101.

Li, Y., Zhang, D., & Du, W. (2014). A case analysis of lexical features in english broadsheets and tabloids. *International Journal of English Linguistics*, 4(4), 115.

M. Atar Semi. (1995). *Teknik penulisan berita, features dan artikel*. Bandung: Penerbit Mugantara.

Milton, J. (2013). Measuring the contribution of vocabulary knowledge to proficiency in the four skills. In C. Bardel, C. Lindqvist, & B. Laufer, (Eds.). *L2 Vocabulary acquisition, knowledge and use: New perspectives on assessment and corpus analysis*, European Second Language Association (pp. 57–78). Eurosla Monographs Series 2.

Mior Kamarul Shahid. (2015). Bahasa: Sejauh manakah media peduli? *Dewan Bahasa*, 15(3), 8-10.

Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Rajib Ab Ghani & Faridah Ibrahim. (1987). Objektiviti bahasa dalam kewartawanan. *Jurnal Komunikasi*, 3(1), 13-25.

Mohidin Malek. (2016). Serlahan kbeitaraan bangsa. *Dewan Bahasa*, 16(10), 3.

Mus Chairil Samani. (1992). Sumber berita: Analisis isi kandungan empat akhbar harian nasional Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 8(1), 49-63.

Mus Chairil Samani. (1997). *Penulisan rencana berkesan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim. (2008, Mei 21). Penulisan berita. *Klik DBP*, p.4.

- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aina Dani. (2008). *Modul kursus BBM3413: Kaedah penyelidikan bahasa Melayu*. Serdang: Penerbit UPM.
- Noordin Zakaria. (2012). Bahasa kewartawanan: Membersihkan “sampah”. *Dewan Bahasa*, 12(11), 26-30.
- Nor Azuwan Yaakob. (2008). Penulisan kewartawanan Melayu: Kajian retorik terhadap kandungan akhbar Berita Harian (1957-1999). Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Nor Azuwan Yaakob. (2008). *Retorik kewartawanan Melayu akbar Berita Harian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurhidayah. (2006). *Bahasa Indonesia dalam karya ilmiah*. FBS Universitas Negeri Yogyakarta.
- Nurul Ain A.Hamid & Faridah Ibrahim. (2012). Pembingkaihan berita etnik dalam akhbar-akhbar aliran perdana di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 28(2), 92-112.
- Nurul Atiqah Nor Azman & Harishon Radzi. (2017). Bahasa lincah: Pembentukan kata baharu dalam komik humor remaja. *Jurnal Linguistik*, 21(1), 67-74.
- Paimah Atoma. (2004). Gaya persembahan dan kemahiran penulisan. *Jurnal Kemanusiaan*, 2(1), 18-26.
- Park, B. (2012). Does the PVLT provide an accurate measure of productive vocabulary knowledge? *English Teaching*, 67(2), 159-183.
- Roosfa Hashim. 2011. *Daripada tesis kepada buku*. Serdang: Penerbit UPM.
- Roslan Abdul Wahid & Siti Khariah Mohd Zubir. (2007). *Analisis kepengarangan J.M Aziz dan nilai-nilai kemanusiaan dalam sajak-sajak J.M AZIZ berdasarkan pendekatan sistem pemikiran bersepadan 4L (luhur, lahir, logik dan lateral)*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah.
- Sharil Nizam Sha’ri. (2010). *Aplikasi teori dan format penyuntingan bahan linear dalam surat khabar bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Sharil Nizam Sha’ri & Mohd Hazreen Shah Hassan. (2016). Bahasa dan berita akhbar Tribun Putra dalam perkongsian maklumat warga kampus di Universiti Putra Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan (PASAK), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIM)*.
- Sulaiman Masri. (1990). *Penulisan berita dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri. (1983). *Panduan Menulis berita rencana*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn Bhd.

- Sulaiman Masri & Razali Ayob. (2002). *Komunikasi Kewartawanan: Penulisan berita, rencana dan ulasan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Sulaiman Salleh & Rahmahtunnisah Sailin. (2014). Kajian hubungan imaginasi, kreativiti dan idea dalam komunikasi penulisan kreatif. *E-Proceedings Of The Conference On Management And Muamalah (Comm 2014)*, 26-27 May 2014.
- Suroso. (2010). Pemanfaatan Ragam Bahasa Jurnalistik Di Media Massa. Ucapan Forum Wartawan Yogyakarta 24 November 2010.
- Waterhouse, K. (1989). *Waterhouse on newspaper style*. London: Penguin.
- Yosi Wulandari. (2014). Tajuk rencana harian kompas dan media Indonesia mengupas nasib TKI: Analisis perbandingan struktur teks. *Jurnal Bahastraa*, 32(1), 81-108.
- Zaharani Ahmad. (2002). Perubahan morfologi dalam tiga edisi Kamus Dewan. *Jurnal Bahasa*, 2(3), 416-429.
- Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zhang, Y. & Wildemuth, B. M. (2009). Qualitative analysis of content. In B. Wildemuth (Ed.). *Applications of Social Research Methods to Questions in Information and Library Science* (pp.308-319). Westport, CT: Libraries Unlimited
- Zulkifley Hamid. (2007). Konsep bahasa. In. Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman (Eds.). *Linguistik Melayu* (pp. 15-28). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zurinah Hassan. (2011). Bahasa figuratif pemanis bicara. *Dewan Sastera*, 11(10), 24-28.
- Zunita Mohamad Maskor, Harun Baharudin & Maimun Aqsha Lubis. (2016). Pengetahuan kosa kata produktif dalam kemahiran menulis. *PROSIDING Wacana Pendidikan Islam Siri ke-11 (WPI11)*, 857-866.

## SENARAI PENERBITAN

1. **Mohd Hazreen Shah Hassan** & Mohd Roslan Rosnon. (2016) Bahasa Juri Dalam Program Mentor Legend: Satu Analisis Ragam Bahasa Za'ba. *Jurnal Esteem*, 12 (2), 1-14.
2. Sharil Nizam Sha'ri & **Mohd Hazreen Shah Hassan**. (2016). Bahasa dan Berita Akhbar Tibun Putra dalam Perkongsian Maklumat Warga Kampus di Universiti Putra Malaysia. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. (Presented on 21 April 2016, Kolej Universiti Islam Selangor).
3. Sharil Nizam Sha'ri, Akmar Hayati Ahmad Ghazali, Mohamad Suhaizi Suhaimi, **Mohd Hazreen Shah Hassan** & Norul Haida Redzuan. (2017). Judul dan Blurb Buku Ilmiah. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. (Presented on 26 April 2017, Kolej Universiti Islam Selangor).
4. **Mohd Hazreen Shah Hassan**, Sharil Nizam Sha'ri, Nur Afiqah Ayub & Nor Azuwan Yaakob. (2017). Strategi Bahasa Rencana Kesihatan dalam Akhbar Menggalakkan Gaya Hidup Sihat. Seminar Antarabangsa Psikolinguistik Kali Ke-4. (Presented on 10 October 2017, TH Hotel Kota Kinabalu, Sabah).
5. **Mohd Hazreen Shah Hassan**. (2016). Tulisan Jawi: Khazanah Warisan Melayu. Majalah Dewan Bahasa. Published on July 2016.
6. **Mohd Hazreen Shah Hassan**. (2016). Peminjaman Kata dalam Bidang Sukan: Memperkaya Istilah Bahasa Melayu. Majalah Dewan Bahasa. Published on October 2016.
7. **Mohd Hazreen Shah Hassan**. (2016). Bahasa sebagai Pelaris Perniagaan. Majalah Dewan Bahasa. Published on November 2016.
8. **Mohd Hazreen Shah Hassan**. (2017). Pemikiran Bahasa Aristotle. Majalah Dewan Bahasa. Published on May 2017.
9. **Mohd Hazreen Shah Hassan**. (2017). Otto Jesperson: Tokoh Linguistik Tradisional dalam Dunia Tatabahasa. Majalah Dewan Bahasa. Published on November 2017.



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : \_\_\_\_\_

#### TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PENGGUNAAN BAHASA DALAM RENCANA AKHBAR

**NAMA PELAJAR :** MOHD HAZREEN SHAH HASSAN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (✓)

- |                          |                      |   |
|--------------------------|----------------------|---|
| <input type="checkbox"/> | <b>SULIT</b>         | (mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)  |
| <input type="checkbox"/> | <b>TERHAD</b>        | (mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan) |
| <input type="checkbox"/> | <b>AKSES TERBUKA</b> | Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.            |

Tesis ini akan dibuat permohonan :

- |                          |              |   |
|--------------------------|--------------|---|
| <input type="checkbox"/> | <b>PATEN</b> | Embargo _____ hingga _____<br>(tarikh) (tarikh) |
|--------------------------|--------------|---|

**Pengesahan oleh:**

(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]